

TM04/24 | KURSUS PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

TARIKH : 05 – 07 JUN 2024

LOKASI : PUSAT KECEMERLANGAN MULTIMEDIA, AKADEMIK B, INSTUN

PENGLIBATAN : 23 PESERTA BERDAFTAR

Kursus Pelan Strategik Pendigitalan merupakan salah satu kursus anjuran Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2024 di bawah kategori Projek ICT.

Kursus yang telah berlangsung di Pusat Kecemerlangan Mutimedia ini telah dihadiri oleh 23 orang peserta daripada pelbagai agensi dan jabatan. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya di Pusat Kecemerlangan Multimedia yang melibatkan penyampaian teori secara ceramah dan latih amal yang turut disertai oleh semua peserta dengan bimbingan penceramah dan fasilitator kursus.

Objektif kursus ini adalah supaya peserta dapat menerangkan dan memahami lima fasa dalam pembangunan Pelan Strategik ICT mengikut Panduan Perancangan Strategik ICT (PerSI) dengan betul.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah jemputan, Dr. Surya Sumarni Binti Hussein, Pensyarah Kanan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan fasilitator Puan Nur Nuha Binti Mohd Yusuff, Penolong Pegawai Kewangan Kanan Negeri, Pejabat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, Urus Setia daripada Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.

GAMBAR SEPANJANG KURSUS



